

Kesan Pandemik Terhadap Peluang Pekerjaan Dikalangan Graduan Bumiputera

oleh

Penyelidikan, Analitik dan Teknologi Maklumat
(RAIT)

PENGENALAN

Penyebaran wabak COVID-19 yang meluas di seluruh dunia telah mengubah hidup kita dalam banyak aspek, terutama dalam faktor kesihatan, sosial, kewangan dan ekonomi. Wabak sindrom pernafasan akut yang teruk coronavirus 2 (SARS-CoV-2) ini, muncul pada sekitar bulan Disember 2019 dari Bandar Wuhan, yang terletak di Daerah Hubei, di negara China¹ dan merebak ke seluruh pelusuk dunia.


Malaysia mencatatkan kes COVID-19 yang pertama dikesan pada 25 Januari 2020 daripada pelancong dari negara China yang tiba di Johor melalui negara Singapura². Dalam tempoh beberapa minggu sahaja, Malaysia mencatatkan bilangan kes COVID-19 terkumpul yang disahkan terbesar di kalangan negara-negara Asia Tenggara pada bulan Februari dan Mac di dalam tahun yang sama. Sehingga 23 Ogos 2021, terdapat 1,572,785 kes COVID-19 yang telah disahkan termasuk 14,342 kematian dan 1,297,723 kes pemulihan dilaporkan diseluruh Malaysia³. Rajah 1 di bawah menunjukkan jumlah kes COVID-19 harian yang disahkan bermula pada 3 Mac 2020 sehingga 23 Ogos 2021.

¹ Elengoe (2020)

² Pfordten and Ahmad (2021)

³ Ministry of Health Malaysia (2021)

Rajah 1: Bilangan Kes COVID-19 Harian, Malaysia



Sumber: Bilangan kes yang disahkan setiap hari dari jangkitan koronavirus COVID-19 di Malaysia sehingga 23 Ogos 2021, Laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://covid-19.moh.gov.my/terkini>). Garis masa menunjukkan permulaan bagi PKP (merah), PKPB (biru), PKPP (hijau) and ungu (PKPD).

Wabak ini telah memberi kesan besar terhadap sektor ekonomi Malaysia. Sekatan pergerakan yang diperkenalkan telah menyebabkan aktiviti ekonomi menguncup di mana pengguna tidak lagi membuat pembelian seperti biasa dan ini menyebabkan penawaran melebihi permintaan untuk barangan dan juga perkhidmatan. Disebabkan ini, banyak perusahaan kecil dan sederhana tutup atau jatuh muflis akibat kerugian yang dialami oleh mereka. Terdapat laporan menyatakan bahawa beberapa syarikat tidak dapat melangsungkan perniagaan mereka serta mengalami kesukaran untuk membayar gaji pekerja seterusnya mengakibatkan pemberhentian pekerja untuk meminimumkan kos operasi. Terdapat juga syarikat-syarikat yang membekukan pengambilan pekerja baru dalam tempoh ini serta mengurangkan jumlah jam bekerja bagi pekerja yang sedia ada untuk membolehkan syarikat mereka terus beroperasi⁴.


Impak wabak COVID-19 ini bukan hanya tertumpu kepada sektor ekonomi semata-mata, tetapi sektor-sektor lain seperti sektor pendidikan juga menerima kesan secara langsung dari wabak ini. Setiap tahun institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia menghasilkan lebih kurang 300 ribu graduan di mana secara terperinci terdapat 5.36 juta graduan pada tahun 2020 (meningkat 4.5% daripada 5.13 juta graduan pada tahun 2019). Peningkatan jumlah graduan selama bertahun-tahun ini seiring dengan kesedaran mengenai pentingnya pendidikan tinggi untuk meningkatkan taraf kehidupan. Setelah menamatkan pengajian tinggi, siswazah biasanya berharap mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan mereka dan seterusnya memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dan semua faedah yang disertainya. Walaubagaimanapun, keadaan yang

⁴ Lim (2020)

mencabar akibat daripada pandemik COVID-19 mengakibatkan pengurangan peluang pekerjaan dan juga telah mengakibatkan peningkatan persaingan.

Hal ini menyebabkan jumlah siswazah menganggur meningkat sebanyak 22.5% kepada 202,400 daripada 165,200 pada tahun 2019. Menurut Statistik Graduan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) 2020⁵, kenaikan itu direkodkan bagi kedua-dua pemegang ijazah (+22,400) dan pemegang diploma (+14,800), di mana sebahagian besarnya di kalangan graduan berumur 35 tahun ke atas. Oleh itu, kadar pengangguran graduan pada tahun 2020 meningkat sebanyak 0.5 peratus kepada 4.4% berbanding 3.9% pada tahun sebelumnya⁶. Rajah 2 menunjukkan jumlah pengangguran dan kadar pengangguran Malaysia dari suku tahun pertama 2019 sehingga suku tahun kedua 2021 berdasarkan data terkini yang dikeluarkan oleh DOSM pada Julai 2021. Didapati kadar pengangguran kekal pada 4.8% dengan mencatatkan 764.9 ribu pada suku kedua 2021.

Rajah 2: Jumlah Pengangguran dan Kadar Pengangguran Malaysia ST1 2019 - ST2 2021



Sumber: DOSM 2021

Hal ini lebih membimbangkan apabila lebih 70 peratus graduan terdiri daripada graduan Bumiputera⁷. Sebahagian besar daripada jumlah graduan tersebut juga adalah terdiri daripada kumpulan B40 dan M40⁸ yang bergantung kepada gaji dan upah sebagai sumber pendapatan utama mereka⁹. Mengambil kira keadaan ini, graduan institusi pendidikan terutamanya bagi Bumiputera, sangat terdedah kepada kejutan ekonomi negatif seperti pengangguran disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dan sebagainya. Ini kerana jurang agihan pendapatan Bumiputera adalah besar dan sumber kewangan

⁵ The Edge Markets (2021)

⁶ Kenyataan media Statistik siswazah 2020, jam 1200, Selasa, 27 Julai 2021.

⁷ Department of Statistics Malaysia (2020b)


⁸ B40 (isi rumah berpendapatan dibawah RM4,360), M40 (isi rumah berpendapatan RM4,360-RM9619) (Department of Statistics Malaysia, 2019)

⁹ Parlimen Malaysia (2019)

mereka yang terhad¹⁰. Fenomena ini memberi kesan yang tidak seimbang kepada graduan yang baharu sahaja menamatkan pengajian dan akan memasuki alam pekerjaan.

Rajah 3 di bawah menunjukkan tahap pengangguran mengikut kaum pada suku pertama hingga suku keempat tahun 2020 di Malaysia. Tahap pengangguran bagi kaum Bumiputera dilihat amat tinggi di dalam keempat-empat suku tahun 2020 dengan mencatat lebih 60 peratus dari jumlah pengangguran dari suku tahun pertama 2020 sehingga suku keempat tahun 2020.

Rajah 3: Pengangguran Mengikut Kaum, Suku Tahun 2020



Sumber: DOSM 2021, Pengangguran di Malaysia mengikut kaum suku tahun 2020¹¹

Dalam tempoh yang sama, kadar pengangguran aktif bagi kaum Cina dan India juga menunjukkan peningkatan dalam tempoh yang sama dengan kadar pengangguran aktif bagi kaum Cina meningkat dari 17 peratus dari jumlah pengangguran pada suku tahun pertama kepada 27 peratus pada suku tahun keempat 2020. Namun demikian, berbeza pula bagi kaum India di mana peratus pengangguran menurun dari 1.9 peratus dari jumlah pengangguran kepada 1.6 peratus sahaja pada suku tahun keempat tahun 2020.

Ini menunjukkan bahawa, kadar pengangguran di kalangan Bumiputera adalah tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi daripada kaum Cina dan kaum India sepanjang tempoh wabak ini melanda negara. Dalam menangani peningkatan bilangan kes COVID-19, negara telah melaksanakan pelbagai bentuk sekatan pergerakan di dalam negeri

¹⁰ Hamid (2020)

¹¹ Department of Statistics Malaysia (2020b)

antaranya ialah perintah kawalan pergerakan (PKP), perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB), perintah kawalan pergerakan yang ditingkatkan (PKPD), dan perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP).

Perintah Kawalan Pergerakan ini telah menyebabkan banyak perniagaan telah terjejas kerana kerajaan hanya membenarkan lima sektor ekonomi yang penting seperti kesihatan, makanan dan minuman serta keperluan asas dibenarkan menjalankan operasi. Ini menyebabkan peluang pekerjaan menjadi sukar dan ada pekerjaan yang terpaksa dihentikan bagi membendung penularan wabak ini. Hal ini amat membimbangkan kerana setiap tahun negara akan mengeluarkan graduan bagi memenuhi pasaran pekerjaan. Tambahan pula, peluang pekerjaan yang terhad pada waktu ini mengurangkan lagi peluang kepada graduan Bumiputera.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan hujah-hujah di atas, adakah penularan wabak ini memberi impak kepada pasaran penawaran pekerjaan di dalam negara? Dan yang paling utama adalah apakah kesannya terhadap graduan Bumiputera yang dihasilkan ketika wabak ini melanda? Bagi menjawab persoalan ini, satu kajian terhadap kesan wabak COVID-19 kepada pewujudan jawatan terhadap graduan Bumiputera yang mencari pekerjaan ketika krisis ini melanda negara ini pada tahun 2020 telah dijalankan. Secara terperinci objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengukur saiz graduan Bumiputera di Malaysia semasa pandemik COVID-19
- ii. Mengkaji ketidakseragaman terhadap peluang pekerjaan dikalangan graduan Bumiputera

Wabak COVID-19 melanda pada tahun 2020 mengakibatkan pasaran tenaga kerja Malaysia telah terkesan dan mengalami perubahan dalam penawaran pekerjaan secara signifikan. Ini kerana walaupun ada penawaran tenaga kerja yang besar namun, permintaan tenaga kerja secara keseluruhannya terganggu¹².

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini, melalui kaedah pertama akan melihat saiz graduan Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam dan swasta ketika wabak ini mula menular di dalam negara. Perbandingan antara tahun dan komposisi kaum juga akan dibuat bagi melihat impak sebenar wabak kepada graduan yang dihasilkan pada masa ini. Seterusnya, kaedah kedua dalam kajian ini pula akan meneliti ketidakseragaman dalam peluang pekerjaan dalam tahun yang sama dan membandingkannya dengan bilangan graduan Bumiputera yang dihasilkan pada tempoh yang sama. Mengikut klasifikasi jenis pekerjaan oleh "Piawai Pengelasan Pekerjaan, Malaysia (MASCO) 2013, pasaran buruh di Malaysia terdiri daripada 3 kategori iaitu:

¹² Bernama (2020)

Jadual 1: Pengelasan Pekerjaan di Malaysia

JAWATAN	KLASIFIKASI
Pengurus	Mahir
Professional	
Juruteknik dan Professional Bersekutu	
Pekerja Sokongan Perkeranian	Separuh Mahir
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan	
Operator Mesin dan Loji, dan Pemasangan	Berkemahiran Rendah
Pekerja Asas	

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia

Perbincangan dan Hasil Kajian


Pengeluaran graduan bertambah setiap tahun di semua pengkhususan pelajaran. Untuk menjawab objektif pertama kajian, data dan maklumat graduan Bumiputera sedia ada telah dianalisa dan dapatan kajian menunjukkan saiz graduan dari tahun 2017 sehingga 2020, secara purata sebanyak 84% graduan yang dihasilkan adalah dari kalangan Bumiputera, 12% adalah Cina dan 4% merupakan India.

Jadual 2: Jumlah dan Peratus Graduan mengikut Etnik ('000)

Tahun	Bumiputera		Cina		India		Jumlah
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	
2017	256.4	84%	37.1	12%	13.4	4%	306.8
2018	249.2	83%	38.4	13%	12.3	4%	299.8
2019	260.6	85%	35.4	12%	11.8	4%	307.8
2020	272.5	86%	32.7	10%	10.8	3%	316.0
Purata (2017-2020)	259.7	84%	35.9	12%	12.1	4%	307.6

Secara keseluruhannya, graduan yang dihasilkan setiap tahun semakin bertambah tetapi komposisi/pecahan mengikut etnik adalah lebih kurang sama. Graduan yang dihasilkan merujuk kepada graduan Bumiputera dan bukan Bumiputera Institut Pengajian Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Swasta (IPTS). Pada tahun 2020, diunjurkan hampir 270 ribu graduan Bumiputera akan dihasilkan iaitu dengan peningkatan hampir 10 peratus berbanding dengan tahun 2018. Ini adalah selari dengan pertumbuhan jumlah graduan di Malaysia yang diwakili oleh rajah garisan dengan seramai 316 ribu orang graduan diunjurkan pada tahun 2020 atau berbanding hanya hampir 300 ribu orang graduan pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 5.4 peratus dari tahun 2018 (Rajah 4).

Rajah 4: Saiz Graduan, Malaysia



Sumber: Statistik Bumiputera 2020, DOSM¹³

Manakala bagi menjawab objektif kedua, dapatan kajian mendapati berlakunya ketidakseragaman terhadap peluang pekerjaan yang ada di pasaran dengan jumlah graduan yang dihasilkan. Pada tahun 2019 dianggarkan hanya 40% graduan Bumiputera yang mampu memenuhi peluang pekerjaan manakala peratusan ini menurun kepada 27% bagi tahun 2020¹⁴. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan peluang pekerjaan sebanyak 29.3% pada kedua-dua tahun tersebut. Sekiranya dilihat secara teliti, pengurangan peluang pekerjaan disebabkan negara sedang dilanda pandemik COVID-19 dan ia akan lebih mengecil atau mengurangkan kerana terpaksa bersaing dengan graduan daripada kaum lain.

Jadual 3: Pecahan Peluang Pekerjaan di Sektor Swasta dan Graduan yang Dihasilkan

Tahun	Peluang pekerjaan di sektor swasta				Jumlah Graduan yang dihasilkan		Peratus	
	Kurang Mahir	Separa Mahir	Mahir	Jumlah (a)	Semua Etnik (b)	Bumiputera (c)	Semua Etnik (a/b)	Bumiputera (a/c)
2019	8,100	51,100	44,700	103,900	307,818	260,600	34%	40%
2020	5,600	42,500	25,300	73,400	316,007	272,500	23%	27%
Purata							28%	33%

Rajah 5 di bawah menunjukkan ketidakseragaman terhadap peluang pekerjaan¹⁵ dan jumlah graduan Bumiputera di IPTA dan IPTS diseluruh negara yang diperolehi dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) mengikut suku tahunan 2019 dan 2020. Rajah ini


¹³ Data Graduan Bumiputera tahun 2020e adalah nilai unjuran dari tahun 2019 dan 2018 (Department of Statistics Malaysia, 2020c).

¹⁴ Kadar peratusan tersebut diandaikan sekiranya semua peluang pekerjaan sektor swasta dalam kategori kurang mahir, separa mahir serta mahir diberikan kepada graduan Bumiputera.

¹⁵ Pewujudan jawatan bagi sektor awam tidak dimasukkan dalam kajian kerana kekurangan data.

jelas menunjukkan bahawa corak penawaran peluang pekerjaan menurun secara keseluruhan bermula dari suku ketiga tahun 2019 sehingga suku keempat tahun 2020.

Rajah 5: Graduan Bumiputera & Peluang Pekerjaan di Malaysia



Sumber: Statistik Pekerjaan Suku Keempat 2020, DOSM¹⁶

Pewujudan peluang pekerjaan dalam kategori mahir telah menurun secara drastik kepada 3.6 ribu pekerjaan pada suku kedua tahun 2020 berbanding lebih 12 ribu pewujudan pekerjaan pada suku yang sama pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak 70 peratus. Pewujudan jawatan bagi kategori separa mahir pula mencatatkan penurunan sebanyak 38 peratus kepada 9.1 ribu pekerjaan pada suku tahun kedua tahun 2020 berbanding hampir 13.2 ribu pewujudan pekerjaan pada suku tahun keempat tahun 2019.

Situasi mencabar ketika wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada pasaran tenaga kerja di Malaysia dalam semua kategori pekerjaan dan dijangka terus berada dalam kedudukan yang mencabar pada tahun-tahun yang akan datang¹⁷. Disebabkan ini, banyak sektor ekonomi terjejas dan kebanyakan perniagaan yang dikategorikan sebagai 'tidak penting' terpaksa ditutup¹⁸. Ini memberi kesan kepada pasaran tenaga kerja. Bagi perusahaan yang dibenarkan untuk terus dibuka, mereka perlu beroperasi dalam norma baharu di mana setiap premis haruslah mematuhi prosedur operasi standard am yang ketat¹⁹.

¹⁶ Data graduan Bumiputera dalam rajah ini diperolehi dengan menggabungkan data dari DOSM dengan KPT, menggunakan nisbah komposisi Bumiputera berbanding etnik lain dalam jumlah graduan di IPTA awam.

¹⁷ Department of Statistics Malaysia (2020b)

¹⁸ Mohamad (2021)

¹⁹ Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (2020)

Terdapat juga perusahaan yang mengurangkan tenaga kerja disamping mengurangkan jam bekerja bagi pekerja mereka. Selain itu, Menurut laporan buruh tahunan oleh International Labour Organization (ILO), jumlah jam bekerja pada tahun 2020 telah menurun sebanyak 8.8 peratus, merangkumi 255 juta pekerja sepenuh masa di peringkat global²⁰. Pengurangan jam bekerja ini juga memberi kesan kepada graduan baharu yang akan memasuki pasaran pekerjaan di mana mereka turut bersaing dengan mereka yang telah hilang pekerjaan dalam tempoh wabak ini.

Menurut klasifikasi DOSM, mereka yang bekerja kurang dari 30 jam dalam masa seminggu termasuk dalam kategori guna tenaga tidak penuh. Ini merujuk kepada keadaan pekerjaan atau kerana kerja yang tidak mencukupi²¹. Kategori guna tenaga tidak penuh ini berkaitan rapat dengan waktu dan juga tahap kemahiran pekerja disamping memberikan lebih banyak informasi mengenai keadaan penawaran tenaga kerja di Malaysia yang berubah mengikut keadaan semasa negara. Hal ini kerana guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang terdiri daripada mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah²².

Rajah 6 menunjukkan jumlah pekerja yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu meningkat pada secara ketara pada suku kedua tahun 2020 dengan Bumiputera mencatatkan lebih dari 400 ribu pekerja berbanding hanya 211.1 ribu pekerja pada suku yang sama tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 110 peratus. Hal ini memberi kesan kepada penawaran pekerjaan di mana graduan Bumiputera baharu perlu bersaing untuk mendapat pekerjaan dengan mereka yang dikurangkan waktu bekerja dan yang telah kehilangan pekerjaan²³.


²⁰ International Labour Organization (2021)

²¹ Department of Statistics Malaysia (2020a)

²² Bernama (2021)

²³ Department of Statistics Malaysia (2020b)

Rajah 6: Pekerja yang bekerja kurang 30 jam seminggu, Kaum



Sumber: Statistik Prinsip Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Keempat (S4 2020)²⁴

Berdasarkan World Economic Forum (WEF) dalam aspek pekerjaan masa hadapan (lihat jadual 4) merumuskan bahawa, wabak COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada pasaran tenaga kerja di seluruh dunia iaitu dengan mengubah cara kerja dan produktiviti pekerja²⁵. Laporan ini menjangkakan pekerjaan yang malar dan berulang seperti kerani pentadbiran, perakaunan dan pengauditan, akan terhapus dari pasaran tenaga kerja negara. Ini kerana dunia telah mengubah cara bekerja dengan memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan cara pemikiran kritis. Dalam masa yang sama, ianya ini juga meramalkan bahawa permintaan tenaga kerja masa hadapan untuk Malaysia tertumpu kepada elemen-elemen kemahiran tinggi seperti kecerdasan emosi, pemikiran analitis dan inovasi serta penyelesaian dalam masalah kompleks seperti saintis, pakar data besar dan pakar kepintaran buatan dan pembelajaran mesin. Pekerjaan ini merangkumi sektor pengkomputeran, analisis data, kecerdasan buatan dan dalam sektor tenaga yang boleh diperbaharui, dijangka akan memacu ekonomi negara pada masa hadapan.

²⁴ Unjuran Pekerja yang bekerja kurang dari 30 jam mengikut kaum bagi suku tahun keempat 2020 dibuat dengan menggunakan nisbah tenaga buruh tahun sebelumnya.

²⁵ World Economic Forum (2020)

Jadual 4: Pekerjaan Masa Hadapan dan Pekerjaan yang Terhapus

No	Pekerjaan Masa Hadapan	Pekerjaan yang akan Terhapus
1	Penganalisis Data dan Saintis	Kerani Masuk Data
2	Penasihat Strategik	Setiausaha Pentadbiran dan Eksekutif
3	Internet Kecerdasan Buatan	Kerani Perakaunan, Pembukuan Dan Gaji
4	Pakar Transformasi Digital	Pakar Sumber Manusia
5	Pakar Pemasaran dan Strategi Digital	Pekerja Perlombongan dan Pengekstrakan Petroleum
6	Pakar Data Besar	Mekanik Dan Pembaiki Jentera
7	Pakar Kepintaran Buatan dan Pembelajaran Mesin	Profesional Persekitaran, Kesihatan dan Kebersihan Tempat Pekerjaan
8	Pakar Keselamatan Siber	Pekerja Kilang dan Pemasangan
9	Pembangun Perisian dan Aplikasi	Akauntan dan Juruaudit
10	Jurutera Tenaga boleh Diperbaharui	Pengurus Perkhidmatan dan Pentadbiran Perniagaan

Sumber: Memetakan Peluang dalam Ekonomi Baharu, *World Economic Forum* 2020

Di samping itu, berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh Jobstreet kepada majikan dan pegawai Sumber Manusia tinjauan menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh majikan dalam pengambilan pekerja baru adalah kurangnya penguasaan Bahasa Inggeris (56%), watak, sikap atau keperibadian yang lemah (37%) dan Ijazah yang tidak relevan atau tidakcocokan pekerjaan (30%)²⁶. Hal ini menunjukkan sebilangan besar siswazah Malaysia mempunyai kemahiran kerja yang lemah yang dikehendaki oleh bakal majikan.

CADANGAN

Graduan Bumiputera menghadapi cabaran besar ketika wabak ini kerana banyak syarikat terpaksa ditutup atau dikurangkan pekerja mereka demi mengawal impak wabak ini. Pada masa yang sama, kira-kira dianggarkan lebih 316 ribu graduan memasuki pasaran tenaga kerja di Malaysia setiap tahun. Perkara ini akan menyebabkan peluang pekerjaan menjadi semakin terhad dan graduan Bumiputera akan lebih sukar untuk mendapatkan pekerjaan pada waktu ini. Menyedari masalah ini, kerajaan telah menggubal beberapa strategi, khususnya buat graduan Bumiputera baharu bagi mengurangkan kesan semasa krisis COVID-19 dan meningkatkan peluang pekerjaan dikalangan mereka.

Cadangan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu, program atau inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang. Penerangan adalah seperti di bawah:

A. Program/Inisiatif Jangka Pendek

Program dan inisiatif Jangka Pendek disasarkan bagi menangani masalah pengangguran semasa. Pada tanggal 27 Mac 2020 mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin telah membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM250 bilion yang merangkumi pelbagai program jangka pendek dan panjang

²⁶ Ministry of Higher Education Malaysia (2012)

di samping inisiatif-inisiatif lain telah diumumkan oleh kerajaan bagi mengurangkan kesan wabak COVID-19 yang boleh di dimanfaatkan oleh graduan Bumiputera. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah Pakej Prihatin dan Prihatin Tambahan 2020²⁷ yang menyediakan sistem sokongan pekerjaan dan perlindungan pendapatan semasa seperti:

- Program subsidi upah kepada lebih 700 ribu majikan syarikat mikro, kecil dan sederhana
- Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kepada golongan bujang (B40 dan M40) berumur 21 ke atas
- Penangguhan bayaran pinjaman PTPTN
- Bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 kepada semua pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi

Selain itu kerajaan juga menyediakan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI) di mana pakej bantuan PERMAI menambah baik inisiatif sedia ada yang masih berterusan dan juga mempercepatkan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan antaranya seperti di bawah:

- Program Subsidi Upah 3.0 melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion dijangka dapat memanfaatkan 250 ribu majikan yang menggaji lebih daripada 2.6 juta pekerja.
- Program Subsidi Upah – Untuk tempoh satu bulan, majikan yang layak akan menerima subsidi upah berjumlah RM600 bagi setiap pekerja mereka yang bergaji kurang dari RM4,000, had pekerja 500.
- Program Subsidi Upah 3.0 di bawah PERKESO akan ditambah baik, semua majikan yang beroperasi semasa PKP layak untuk memohon tanpa mengambil kira sektor

Tambahan terdapat Kementerian dan agensi ada menjalankan program dijalankan berkaitan pengangguran semasa pandemik.

B. Program/Inisiatif Jangka Sederhana

Program dan inisiatif Jangka Sederhana disasarkan ketika pandemik dan telah berada di pasaran. Keterlibatan Kementerian dan agensi dalam melaksanakan program ini adalah seperti di bawah:

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau KPT-CAP adalah inisiatif kerajaan dalam menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19. Graduan yang terpilih mengikuti program di bawah PENJANA KPT-CAP berpeluang untuk meningkatkan kemahiran serta mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat program²⁸. Program ini juga dijalankan oleh InvestKL dan MARA.

²⁷ Pakej Prihatin dan Prihatin Tambahan diumumkan oleh Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 dan Pakej Prihatin Tambahan 6 April 2020.

²⁸ Kementerian Pengajian Tinggi (2020)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

MyDigitalWorkforce Work in Tech (MYWiT) adalah inisiatif MDEC yang terdiri daripada 2 program: Digital Business Services (DBS) dan Digital Tech Apprenticeship (DTA). MYWiT memberi insentif kepada syarikat perkhidmatan dan teknologi digital dengan menyediakan subsidi gaji untuk pengambilan pekerja tempatan dan latihan untuk melengkapkan mereka dengan skil yang diperlukan²⁹.

Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

MOHR telah melancarkan portal MYFutureJobs di mana portal pekerjaan baru yang dibangunkan oleh SIP yang menggunakan teknologi AI yang canggih untuk pepadanan pantas dan tepat. MYFutureJobs melaksanakan pepadanan pekerjaan berdasarkan pelbagai faktor seperti nama pekerjaan, tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman kerja, pensijilan profesional, julat gaji, dan lokasi majikan³⁰. Portal ini membantu graduan yang sedang menganggur untuk mencari pekerjaan.

Selain itu, MOHR juga telah melancarkan UpSkill Malaysia di mana portal bersepadu ini adalah untuk rakyat Malaysia. Portal ini menyediakan akses ke program latihan, peluang pekerjaan, kemahiran keusahawanan, nasihat, sokongan perancangan kerjaya, perincian mengenai undang-undang pekerjaan dan maklumat lain yang berkaitan³¹.

C. Program/Inisiatif Jangka Panjang

Di bawah program atau inisiatif jangka panjang, antara program yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bagi menyediakan graduan Bumiputera kepada pekerjaan masa hadapan pasca-pandemik dan telah berada di pasaran adalah seperti program peningkatan kemahiran tinggi dibawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) di mana program ini adalah sepanjang berfokus kepada musim pandemik sahaja:

- Peneraju Skill
 - Program pembangunan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran vokasional dan teknikal
- Peneraju Professional
 - Program pembiayaan pensijilan profesional bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang profesional di samping mencipta platform untuk pakar antarabangsa untuk melatih professional Bumiputera antara sektor awam dan swasta.
- Peneraju Teknologi
 - Memperkenalkan bimbingan pendidikan dan biasiswa untuk tenaga kerja masa hadapan seperti Penganalisis dan Saintis Data selain program atau latihan pembangunan untuk Bumiputera berpotensi dalam sektor berkaitan IR.4.0

Di samping itu, sebagai agensi penyelaras utama dalam pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera, TERAJU juga telah membuat inisiatif dalam memperkasakan dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pasaran tenaga kerja mahir . Ini selari

²⁹ MDEC (n.d.)

³⁰ Ministry of Human Resources (n.d.)

³¹ Upskillmalaysia (n.d.)

dengan halatuju Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB2030) yang akan dilancarkan pada tahun ini yang turut memfokuskan kepada pewujudan pekerjaan dalam sektor mahir menjelang tahun 2030. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dirangka untuk memperkasakan modal insan Bumiputera adalah:

- Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Bumiputera (COE) yang menyediakan pendidikan dan latihan bermula dari usia awalan kanak-kanak sehingga ke peringkat pengajian tinggi di samping program pembangunan profesional lain seperti program celik kewangan, keusahawanan dan kursus pelbagai disiplin untuk Bumiputera.
- Meningkatkan kebolehpasaran modal insan Bumiputera melalui program peningkatan kemahiran dan pengagihan semula sambil meningkatkan tahap integriti seperti program latihan TVET dengan pensijilan antarabangsa berasaskan kemahiran
- Meningkatkan kebolehpasaran modal insan Bumiputera melalui program peningkatan dan pengagihan semula kemahiran melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta seperti menawarkan kursus pendek dengan kerjasama universiti terkemuka untuk penyediaan sijil bagi pelajar Bumiputera di peringkat global.
- Merangka program *Jobs For the Future-Train, Certify And Placement* di mana latihan dan pensijilan dalam perniagaan bagi membantu para graduan di institusi pendidikan tinggi terutamanya di Malaysia memperoleh pensijilan profesional.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, krisis pandemik ini telah memberi kesan kepada ketidakseragaman diantara saiz graduan yang dihasilkan terhadap peluang pekerjaan pada waktu ini. Walaupun impak pandemik berbeza-beza mengikut kaum, dan jenis pekerjaan, Bumiputera diunjurkan mengalami kesan yang lebih tinggi berbanding kaum lain kerana saiz graduan yang dikeluarkan setiap tahun adalah lebih besar melebihi peluang pekerjaan yang sedia ada. Oleh itu, graduan Bumiputera disarankan untuk lebih proaktif dalam mencari peluang pekerjaan yang ada ketika situasi pandemik ini.

Di samping itu, graduan perlu meningkatkan kemahiran mereka di masa yang mencabar ini kerana pasaran tenaga kerja pada masa kini mengalami transformasi dan sedang berubah ke arah penggunaan teknologi untuk masa depan³². Pada masa yang sama, graduan juga harus mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran tambahan agar mereka boleh bersaing di pasaran pekerjaan yang bertambah kompetitif dan mencabar ini.

³² MIDA (2020)

References

- Bernama. (2020, May 21). *Permintaan, penawaran buruh pada suku pertama 2020 petanda ketidakseimbangan pasaran - Jabatan Perangkaan*. Retrieved from Bernama: <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1843976>
- Bernama. (2021, February 8). *Kadar pengangguran Malaysia pada 4.5 peratus tahun lepas, tertinggi sejak 1993*. Retrieved from Bernama: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1929593>
- Department of Statistics Malaysia. (2019). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas*. Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2020a). *Laporan Survei Tenaga Buruh*. Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2020b). *Malaysia Trade Statistics Review Volum 1*. Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2020c). *Statistik Bumiputera 2020*. Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia.
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives*, 11(3), 93-100.
- Hamid, H. A. (2020). *Jurang antara Wilayah dalam Konteks Pemeraksanaan Bumiputera*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. Retrieved from <http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views%20Jurang%20wilayah%20dan%20kaum.pdf>
- International Labour Organization. (2021). *World Employment and Social Outlook: Trends 2021*. Geneva: International Labour Organization.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2020). *Program Penjana KPT-CAP*. Retrieved from Kementerian Pengajian Tinggi: <https://great.mohe.gov.my/PenjanaKPTv3>
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri. (2020). *Prosedur Operasi Standard Am Dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan*. Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri.
- Lim, L. (2020). *The socioeconomic impacts of COVID-19 in Malaysia: Policy review and guidance for protecting the most vulnerable and supporting enterprises*. International Labour Organization.
- MDEC. (n.d.). *Mengenai Inisiatif MyDigitalWorkforce Work in Tech (MYWIT)*. Retrieved from MDEC: <https://form.jotform.com/210658831680459>
- MIDA. (2020). *Laporan Prestasi Tahunan Malaysia*. Kuala Lumpur: MIDA.

- Ministry of Health Malaysia. (2021). *Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia*. Retrieved September 11, 2021, from COVID-19 Malaysia: <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Ministry of Higher Education Malaysia. (2012). *The National graduate employability blueprint 2012-2017*. Selangor: Universiti Putra Malaysia Press.
- Ministry of Human Resources. (n.d.). *Permohonan Kerja MyFutureJobs*. Retrieved from MyFutureJobs Ministry of Human Resources: <https://www.myfuturejobs.gov.my/ms/permohonan-kerja/>
- Mohamad, H. F. (2021, January 11). *Banyak syarikat akan tutup jika PKP lebih dua bulan*. Retrieved September 11, 2021, from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/775068/banyak-syarikat-akan-tutup-jika-pkp-lebih-dua-bulan>
- Parlimen Malaysia. (2019). *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Penggal Kedua Mesyuarat Ketiga*. Parlimen Malaysia.
- Pfordten, D., & Ahmad, R. (2021, April 22). *Covid-19: Cases up by 2,875 bringing total to 384,688 (updated daily)*. Retrieved September 11, 2021, from The Star: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/23/covid-19-current-situation-in-malaysia-updated-daily>
- The Edge Markets. (2021, June 27). *Malaysia's unemployed graduates rose 22.5% in 2020*. Retrieved September 11, 2021, from The Edge Markets: <https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-unemployed-graduates-rose-225-2020>
- Upskillmalaysia. (n.d.). *Reports and Articles*. Retrieved from Upskillmalaysia: <https://upskillmalaysia.gov.my/insights>
- World Economic Forum. (2020). *The Future of Jobs*. Switzerland: World Economic Forum.